



Good food, Good life

## Siaran Berita

Shah Alam, Jun 1, 2021

### **Nestlé Malaysia Sokong Kempen Pemvaksinan COVID-19**

*Bekalkan Makanan kepada Kakitangan Barisan Hadapan di IDCC, Galakkan seluruh rakyat Malaysia untuk dapatkan vaksin*

Sejajar dengan komitmen berterusannya untuk menyokong rakyat Malaysia sepanjang pandemik COVID-19, Nestlé Malaysia telah menghulurkan bantuan di Pusat Pemberian Vaksin AstraZeneca di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam, dengan membekalkan sajian berkhasiat kepada kakitangan barisan hadapan yang bertugas sambil menghadaiahkan "pek kebaikan" atau "goodness packs" kepada mereka yang telah divaksinakan.

Di bawah program sukarelawan Nestlé Cares, Nestlé Malaysia akan menaja semua makanan dan minuman bagi 250 kakitangan barisan hadapan yang bertugas di pusat pemvaksinan ini. Sejumlah 10,500 sajian akan diagihkan dalam masa dua minggu pertama dan sokongan kepada petugas barisan hadapan ini akan diteruskan pada bulan-bulan akan datang. Tambahan lagi, untuk fasa pemvaksinan pertama dari 24 Mei hingga 6 Jun 2021, semua rakyat Malaysia yang menerima vaksin di IDCC turut menerima "pek kebaikan" daripada Nestlé sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang menjadi suri teladan kepada orang lain, kerana program pemvaksinan kebangsaan dijangka dipercepatkan pada minggu-minggu akan datang. Secara keseluruhan, kira-kira 42,000 "pek kebaikan" akan diagihkan pada fasa pertama ini.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Kami menyokong usaha Kerajaan dan pelbagai Kementerian di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Penuh terkini dan kita semua perlu memainkan peranan. Perintah kawalan pergerakan akan menyekat kemaraan jangkitan, tetapi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan menjadi tunggak utama yang akhirnya membolehkan kita mengatasi pandemik. Kami di Nestlé Malaysia bertekad menyokong usaha ini dalam cara yang lebih kukuh, dan kami benar-benar berbangga dan berbesar hati kerana dapat menyediakan hidangan makanan dan minuman lazat kepada 250 petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus di IDCC. Kegigihan mereka menjadi sumber inspirasi kami."

“Tambahan lagi, kami mahu menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk menepikan sebarang keraguan berkenaan pemvaksinan dan mendapatkan dos mereka mengikut giliran yang ditetapkan. Sebab itulah kami membuat keputusan untuk memberikan “Pek Kebaikan *Nestlé Cares*” kepada semua penerima vaksin di IDCC pada fasa pertama, dan kami akan mencari cara lain pada minggu-minggu akan datang untuk terus mendorong dan menggalakkan Rakyat mendapatkan vaksin demi mencapai matlamat bersama untuk mendapatkan keimunan kelompok secepat mungkin.”

Nestlé terus berusaha untuk membantu rakyat Malaysia pada masa-masa sukar ini menerusi inisiatif bantuan COVID-19. Sebagai contoh, Nestlé Malaysia juga telah menaja produk Makanan & Minuman bagi kakitangan barisan hadapan di Pusat Penilaian COVID-19 di Stadium Malawati, Shah Alam, manakala MILO, MAGGI dan jenama Nestlé lain memainkan peranan aktif memberikan sumbangan makanan kepada NGO-NGO berbeza untuk menyokong golongan yang memerlukan.

Dalam pada itu, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Mac 2021, Stesen Transit Kuarantin Nestlé telah dilancarkan untuk menyediakan persekitaran yang sesuai kepada ‘kontak rapat’ untuk mengasingkan diri, yang membawa manfaat kepada orang ramai dan masyarakat yang memerlukan di Selangor, khususnya keluarga B40 dan kumpulan berpendapatan lebih rendah.

Nestlé komited untuk memainkan peranan menyokong rakyat Malaysia dan membantu Kerajaan menyekat penyebaran COVID-19, untuk memenangi perjuangan menentang pandemik bersama-sama.

### **Tentang Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**  
Nestlé (Malaysia) Berhad

**Alya Nurina atau Yasmin Kadir**  
acorn communications

Tel: (+603) 7965 6650  
Mobile: +6012-235 6865  
E-mail: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 -221 8216 (Alya) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)  
E-mail: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)